

# BIOGRAFI SHAIKH AHMAD B. IDRIS DAN SUMBANGANNYA TERHADAP ALAM KESUFIAN

Oleh:  
Che Zarrina Sa‘ari

## Abstract

*This article is an analytical study of the founder of Ahmadiyyah Order that had spread all over the world including the Malay Peninsula. It tries to gather an information about Shaikh Ahmad b. Idris who played an important role in organizing and developing the order. His thought about religious reformation which has a similarity with Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb has also been discussed to evaluate either the former was influenced by the latter or not. The article also attempts to highlight Shaikh Ahmad b. Idris’s contributions to the sufis’ world.*

## Pendahuluan

Pada abad ke-3 dan ke-4H., tasawuf mula berkembang sebagai ilmu yang boleh dipelajari dengan lebih dekat lagi secara teoritikal melalui buku-buku yang ditulis oleh para pengkaji dan pengamal tasawuf. Ibn Khaldūn menceritakan proses pembukuan yang berjalan dengan pesat itu, menurutnya:

“Apabila ilmu-ilmu mula ditulis dan dibukukan, ulama-ulama mula mengarang kitab-kitab mengenai *fiqh*, *usūl fiqh*, *ilm al-kalām*, *ilm tafsīr* dan lain-lain lagi, maka ulama sufi juga mula menulis tentang tarikat mereka. Ada yang mengarang tentang *wara*’ dan *muhāsabah al-nafs* seperti

yang dilakukan oleh al-Qushairī di dalam *Risālahnya*, sementara al-Suhrawardī (al-Baghdādī) mengarang buku ‘Awārif al-Ma‘ārif. Maka ilmu tasawuf adalah di antara ilmu-ilmu yang telah dibukukan setelah ia hanyalah sebagai suatu cara ibadah sahaja.<sup>1</sup>

Serentak dengan perkembangan pembukuan ilmu tasawuf dan perubahan doktrinnya daripada berbentuk praktikal kepada yang lebih teoritikal, berlaku juga perkembangan dari sudut pembentukan corak yang dijalani oleh para ahli *suluk*. Apa yang jelas ialah abad ke-3 dan ke-4H. telah membawa perubahan besar kepada perjalanan ahli sufi. Mereka telah mengkategorikan ahli-ahli ibadah kepada beberapa bahagian berdasarkan corak pengibadatan kerana kaedah dan penyusunan dalam perjalanan kerohanian para sufi mula dilihat berdasarkan kata-kata shaikh masing-masing.<sup>2</sup>

Hasil daripada pengkategorian tersebut telah melahirkan gerakan *sūfiyyah* yang dikenali sebagai tarikat dalam bentuk permulaan. Hamadun al-Qassār (m. 271H.)<sup>3</sup> dari Naisabur telah memperkenalkan *Firqah Ma'lāmatiyyah*<sup>4</sup> atau dikenali juga sebagai *al-Qassāriyyah*. Terdapat juga beberapa kumpulan lain seperti *al-Taifūriyyah* yang dinisbahkan kepada Abū Yazid al-Bistāmī, *al-Kharrāziyyah* yang dinisbahkan kepada Abū Sa‘īd al-Kharrāz, *al-Nūriyyah* ditujukan kepada kumpulan Husain al-Nūrī dan *al-Hallājiyyah* yang dinisbahkan kepada Husain b. Mansūr al-Hallāj.<sup>5</sup> Setiap kumpulan tersebut mempunyai ketua masing-masing yang

<sup>1</sup> Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Rahmān, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Maktabah al-Tijāriyyah, Kaherah, t.t., him. 329.

<sup>2</sup> Nicholson, R. A., *The Mystics of Islam*, Arkana, London, 1986, him. 32.

<sup>3</sup> Al-Sulami, ‘Abd al-Rahmān, *Tabāqat al-Sūfiyyah*, Leiden, 1960, him. 123-129, s.v. “Tarika”, E.I. (I), Jil. 7, him. 668.

<sup>4</sup> Nama *al-Ma'lāmatiyyah* dirujuk kepada kumpulan tersebut kerana dinisbahkan pada ungkapan “Laum al-Nafs”. Untuk keterangan lanjut lihat ‘Afifi, Abū al-‘Ulā, *al-Ma'lāmatiyyah wa al-Sūfiyyah wa Ahl al-Fatwah*, Kaherah, 1945, him. 15.

<sup>5</sup> Al-Taftāzānī, Abū al-Wafā al-Ghanīmī, *Madkhāl itā al-Tasawwuf al-Islāmī*, Dār al-Thaqāfah, Kaherah, 1976, him. 108.

lebih dikenali sebagai shaikh, *murshid* dan *qutb* yang memiliki otoriti untuk mengendalikan murid-murid. Ahli-ahli dalam setiap kumpulan mesti tunduk dan patuh kepada peraturan-peraturan perjalanan tarikat yang selalunya dibuat secara terperinci oleh shaikh masing-masing. Kumpulan-kumpulan ini hidup secara berkelompok di *zawāyā*, *ribāṭ* dan *khanqah* ataupun berkumpul di tempat-tempat tertentu bagi menghadiri majlis-majlis ilmu dan zikir yang dilaksanakan dengan teratur dan sistematik.<sup>6</sup> Jelasnya, setiap kumpulan mempunyai cara dan sistem tersendiri, namun begitu mereka masih meletakkan objektif yang sama iaitu bagi mencapai keredaan Allah yang akan membawa kepada *musyā-hadah Allah*, *ma'rifat Allah* dan *māhabbah Allah*.

Tarikat-tarikat ini berkembang pesat mengikut kecenderungan dan pengalaman shaikh masing-masing. Jumlah ahli tarikat di seluruh dunia tidak dapat dipastikan dengan tepat. Namun demikian, menurut *The Encyclopaedia of Islam*, penganut pelbagai tarikat dianggarkan sebanyak tiga peratus daripada keseluruhan penduduk dunia.<sup>7</sup> Pada peringkat permulaan pertumbuhan tarikat, terdapat hanya empat belas aliran yang asli.<sup>8</sup> Kelahirannya adalah di sekitar kurun ke-3H. bersamaan kurun ke-8M. sehingga kurun ke-6 dan ke-8H. bersamaan kurun ke-11 dan ke-13M. Kemudian muncul pula seratus enam puluh tiga aliran termasuk yang menyeleweng daripada tasawuf *sunni*. Sehingga hari ini, banyak

<sup>6</sup> De Jong, F., *Turuq and Turuq Links Institutions in Nineteenth Century Egypt*, E. J. Brill, Leiden, 1978, hlm. 29; al-Taftazānī, *op.cit.*, hlm. 235-236.

<sup>7</sup> Lihat senarai aliran tasawuf dalam *E.I.(1)*, jil. 7, hlm. 668, artikel bertajuk “*Tarika, Tariqah Muktabar al-Ma’am*”.

<sup>8</sup> Catatan nama empat belas buah tarikat asli yang muncul di antara abad ke 6 hingga ke 16 M. berdasarkan catatan dalam *Encyclopaedia of Islam (I)*, jil. 7, hlm. 668-669. Pada kurun ke 9M. (1) Muḥāsibiyah - diasaskan oleh Ḥārith al-Muḥāsibī (m. 859M.) (2) Salīmiyyah - sama dengan Sahliyyah yang diasaskan oleh Sahl al-Tustari (m. 896M.) (3) Ḥallāfiyyah - diasaskan oleh Ḥusain b. Maṇṣūr al-Hallāj (m. 922M.) Pada kurun ke 11 M., (4) Maṭāmatiyyah - ditujukan kepada kaum sufi Iraq. Pada kurun ke 12M., (5) Khafifiyyah - diasaskan oleh Ibn Khafif (m. 982M.) (6) Junaidiyyah - diasaskan oleh Abū Qāsim al-Junaid yang merupakan sebuah tarikat besar yang pernah dipimpin oleh Jurjānī, Farmizi dan Ahmad Ghazālī.

lagi tarikat-tarikat yang masih wujud antara yang terkenal ialah Tarikat Qadiriyyah, Shādhiliyyah, Naqshabandiyah, Ahmadiyyah Badawiyyah, Dusūqiyyah, Idrūsiyyah, Sunbuliyyah, Sammāniyyah, Sanusiyyah, Sha'bāniyyah, al-Ahmadiyyah al-Idrisiyyah dan lain lain lagi.<sup>9</sup> Artikel ini hanya akan memfokuskan perbincangannya kepada pembentukan awal Tarikat al-Ahmadiyyah al-Idrisiyyah yang biasanya dikenali sebagai Tarikat Ahmadiyyah sahaja.

### Personaliti Ahmad b. Idris

Pada akhir kurun ke-14H./19M., terdapat tokoh-tokoh Islam yang mula bangun untuk membangkitkan semula umat Islam yang lemah kerana terpengaruh dengan ajaran tasawuf *falsafi*.<sup>10</sup> Antara ulama tersebut ialah Shaikh Ahmad b. Idris, pengasas Tarikat Ahmadiyyah. Pada kurun ke-18M, beliau telah cuba menghidupkan kembali kegiatan ahli sufi yang sudah begitu suram<sup>11</sup> dan akhirnya beliau berjaya menubuhkan Tarikat Ahmadiyyah.

Shaikh Ahmad telah dilahirkan pada tahun 1172H./1757M<sup>12</sup>

---

Pada kurun ke 13M. (7) Kalandariyyah - sebuah tarikat yang bergerak di Parsi sekitar tahun 1218M. (8) Ahmadiyyah - diasas oleh Ahmad Badawi (m. 1276M.) (9) Maulawiyyah - diasas oleh Ja'far al-Din al-Rumi (m. 1273M.) Pada kurun ke 14M. (10) Naqshabandiyah - diasas oleh Bañā' al-Din Shah Naqshabandi (m. 1391M.) (11) Suhrawardiyyah - diasas oleh 'Abd al-Qahhār al-Suhrawardi (m. 1167M.) dan 'Umar al-Suhrawardī (m. 1234M.) (12) Baktashiyyah - ditubuhkan pada tahun 1336 M. Pada kurun ke 15 M. (13) Jazūliyyah - diasas oleh Shādhili (m. 1465M.) (14) Shāttariyyah - diasas oleh 'Abd Allāh Shattar (m. 1415M. @ 1428M.).

<sup>9</sup> Austin, R. W. J., *In His Introduction Sufis of an Andalusia the Rur al-Quds al-Durat al-Fakhirat of Ibn 'Arabi*, George Allen and Unwin, London, 1971, hlm. 53.

<sup>10</sup> Nasr, Seyyed Hossein, *Living Sufism*, Unwin Paperbacks, London, 1980, hlm. 82; al-Tabaṭaba'i, Sayyid Muhammad Husain, *Shi'ite Age of the Crusades, the Near East from the Eleventh Century to 1517*, London and New York, 1986, hlm. 200; Ali, Syed Ameer, *The Spirit of Islam*, University Press Paperbacks, London, 1967, hlm. 473.

<sup>11</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga, *Majmū'*, Singapura, 1952, hlm. 7; Trimingham, J. S., *Islam in Sudan*, Frank Cass and Co. Ltd, London, 1983, hlm. 229.

<sup>12</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga, *Majmū'*, hlm. 7.

di Kampung Maisur, ‘Ara’isy di tepi laut Moroko<sup>13</sup> dalam negeri Fez.<sup>14</sup> Silsilah penuh keturunan beliau ialah Ahmad b. Idris b. ‘Abd Allāh b. al-Hasan al-Muthanna b. ‘Ali Muhammad Saiyidina al-Hasan al-Sibt, cucu Baginda Rasulullah s.‘a.w. Beliau sering disebut sebagai Ahmad b. Idris al-Hasani, keturunan Imam Idris b. ‘Abd Allāh al-Mahd.<sup>15</sup> Selain itu beliau juga turut dikenali sebagai Ahmad b. Idris b. Muhammad b. ‘Ali. Sumber Inggeris pula sering menyebut beliau sebagai Ahmad b. Idris al-Fasi.<sup>16</sup>

Beliau digambarkan sebagai memiliki paras rupa yang tampan, berbadan kecil dan tinggi tetapi sedikit gempal. Mukanya berbentuk panjang dan berkulit putih kemerah-merahan. Memiliki sepasang mata yang luas dan keningnya bertaut lebat serta memiliki janggut yang tebal.<sup>17</sup> Shaikh Ahmad memperlihatkan ketokohannya dalam bidang keilmuan agama semenjak masih kanak-kanak lagi. Ketika kecil, beliau dididik dalam disiplin agama yang kuat dan keluarga beliau adalah golongan yang dihormati pada masa tersebut. Beliau berguru kepada beberapa ulama dan tokoh sufi yang terkenal sehingga berjaya menguasai ilmu zahir (*external knowledge*). Keintelektualan dan kesungguhan beliau mempelajari pelbagai ilmu dikagumi dan diakui oleh guru-gurunya. Dalam jangka masa beberapa tahun sahaja beliau mampu mengatasi rakan-rakan sebayanya yang lain, sehingga beliau diizinkan mengajar orang ramai.<sup>18</sup>

<sup>13</sup> Ridwān, Ahmad Muhammad, *al-Nafahāt al-Rabbāniyyah*, Wizārat al-Auqaf, Kaherah, 1981, hlm. 173 - 174; Ahmad bin Muhammad Sa’id al-Lingga, *Majmū‘*, hlm. 16.

<sup>14</sup> Al-Rashīd, Ibrāhīm, *Iqd Durr al-Nafīs*, terj. Müsa bin Abdul Ṣamad al-Kelantāni, Kelantan, 1234 H., hlm. 2.

<sup>15</sup> Al-Zerekli, Khair al-Dīn, *al-A‘lām*, jil. 1, Dār al-‘Ilm, Beirut, 1979, hlm. 90.

<sup>16</sup> Trimingham, *Islam in Sudan*, hlm. 228; lihat juga El-Affendi, Abdel Wahāb, *Turābi’s Revolution: Islam and Power of Sudan*, Grey Seal, London, 1991, hlm. 24.

<sup>17</sup> Ahmad bin Muhammad Sa’id al-Lingga, *Majmū‘*, hlm. 16; al-Rashīd, Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 17.

<sup>18</sup> Ahmad bin Muhammad Sa’id al-Lingga, *Majmū‘*, hlm. 7.

## Penglibatan Shaikh Ahmad Dalam Pelbagai Aliran Tarikat

Sebelum Shaikh Ahmad mengasaskan Tarikat Ahmadiyyah, beliau telah melibatkan diri dalam beberapa buah tarikat yang diterajui oleh guru-gurunya sendiri. Beliau pernah berguru kepada Shaikh ‘Abd al-Wahhab al-Tazi yang mendorong beliau beramal dengan Tarikat al-Khidriyyah al-‘Aziziyyah.<sup>19</sup>

Setelah Shaikh al-Tazi meninggal dunia, Shaikh Ahmad menunaikan solat *istikhara* memohon diberi petunjuk untuk memilih seorang guru lain. Akhirnya beliau memilih Shaikh Abū al-Qāsim al-Wazīrī al-Ghāzī yang mengajar beliau Tarikat Shādhiliyyah<sup>20</sup> sehingga guru itu pula meninggal dunia.<sup>21</sup>

<sup>19</sup> Trimingham, *Islam in Sudan*, hlm. 229. Tarikat ini diasaskan oleh Sayyid ‘Abd al-‘Azīz b. Mas‘ud al-Dabbagh yang dikatakan menerima *wird* daripada Nabi Khidr, selepas empat tahun beliau dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pada tahun 1125H./1713M., beliau mengisyiharkan dirinya sebagai pengasas Tarikat Khidriyyah al-‘Aziziyyah di sebuah tempat bernama Bāb al-Futūh, Fez. Lihat *idem*, *The Sufi Orders in Islam*, Oxford University Press, London, 1973, hlm. 277. Silsilah tarikat tersebut selepas al-Tazi ialah Sayyid ‘Abd al-‘Azīz b. Mas‘ud al-Dabbagh, kemudiannya diikuti oleh Nabi Khidr dan terus kepada Rasulullah s.a.w.. Lihat al-Rashid, Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 3. Menurut E. E. Pritchard dalam bukunya *The Sanusi of Cyrenaica*, Oxford University Press, London, 1968, hlm. 12, Syaikh Ahmad b. Idrīs adalah pemimpin Tarikat Khidriyyah al-‘Aziziyyah yang keempat di Moroko. Tetapi kemudiannya Shaikh Ahmad mendirikan tarikatnya sendiri yang dikenali sebagai Tarikat Ahmadiyyah atau pun turut disebut sebagai Tarikat Khidriyyah al-Idrisiyah.

<sup>20</sup> Tarikat Shādhiliyyah diasaskan oleh Abū al-Hasan ‘Alī b. ‘Abd Allāh al-Shādhili. Lahir pada tahun 593H. di ‘Ammār, berhampiran Mursiyyah, Moroko. Menetap di Iskandariyyah, Mesir. Meninggal pada tahun 656H. di Aizab, Mesir. Shaikh Abū al-Qāsim menerima tarikat ini daripada Shaikh Ahmad ‘Abd Alfāh yang menerimanya daripada Shaikh Yusuf al-Fāsi yang menerimanya daripada Shaikh ‘Abd al-Rahmān al-Majdhūb yang menerimanya daripada Shaikh ‘Alī al-Sanhaji (al-Dawwār) yang menerima daripada Shaikh Ibrāhīm Afham yang menerima daripada Shaikh Ahmad Zarwaq. Lihat al-Ja‘fari, Ṣalīḥ b. Muhammad, *Hādhihi Turjamah Sidi Ahmad*, Kaherah, t.t., hlm. 2 - 4.

<sup>21</sup> Al-Rashid, Ibrāhīm, *op.cit.*, hlm. 3; Ahmad bin Muhammad Sa‘id al-Linggi, *op.cit.*, hlm. 8.

Selepas itu Shaikh Ahmad terus mendampingi guru-guru yang lain, sehingga beliau mengalih perhatiannya untuk mempelajari al-Qur'an secara lebih mendalam sebagaimana yang digambarkan di dalam buku *Majmū'*.<sup>22</sup> Tarikat ketiga yang diikuti oleh Shaikh Ahmad ialah Tarikat Khalwatiyyah,<sup>23</sup> yang diterimanya daripada Shaikh Hasan b. Ḥasan Bek al-Qanā'i.<sup>24</sup>

Kepintaran dan kewibawaan Shaikh Ahmad semakin menyerlah apabila beliau turut terkenal sebagai ahli sufi yang mengemukakan pembaharuan-pembaharuan pemikiran sesudah beliau berjaya menguasai ilmu-ilmu berkaitan dengan tarikat dan *competent* dalam persoalan-persoalan dan amalan-amalannya. Di samping beliau turut menguasai ilmu al-Qur'an dan al-Hadith sehingga sukar untuk ditandingi pada masa tersebut. Justeru itu beliau telah ditauliahkan sebagai "khalifah" yang diizinkan untuk mengajar orang ramai di dalam bidang-bidang tersebut.<sup>25</sup>

### Cita-cita Shaikh Ahmad b. Idris

Sebagai seorang *reactioner*, beliau tidak hanya menumpukan perhatian kepada persoalan ibadah khusus semata-mata. Malahan beliau turut mengenangkan idealisme dan mengajar ahli-ahli sufi

---

<sup>22</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga di dalam bukunya *Majmū'*, hlm. 8-9, menerangkan:

"Kemudian Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarakan aku dan al-Qur'an dan Baginda bersabda kepadanya: "Zahirkan olehmu baginya akan barang yang ada pada engkau daripada segala ilmu dan segala rahsia".

<sup>23</sup> Tarikat Khalwatiyyah adalah cabang daripada Tarikat Suhrawardiyyah yang diasaskan 'Abd al-Qadir al-Suhrawardi (m. 1167M.). Di Khurasan, Tarikat Khalwatiyyah diasaskan oleh Zahir al-Din (m. 1397M.) dan telah berkembang luas ke Turki. Lihat *E.I.(I)*, Jil. 7, hlm. 668.

<sup>24</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga, *Farā'id al-Maathir al-Marwiyyah li al-Tariqat al-Ahmadiyyah al-Kashidiyyah al-Dandañawiyah* Singapura, t.t., hlm. 34; Pritchard, E. E., *op.cit.*, hlm. 12; Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga, *Majmū'*, hlm. 13.

<sup>25</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Lingga, *Farā'id*, hlm. 37; *idem*, *Majmū'*, hlm. 13.

supaya tidak ketinggalan di dalam ibadah umum yang meliputi kehidupan dunia. Beliau mengkritik mereka yang tidak mahu memajukan diri, tetapi sebaliknya mengasingkan diri daripada kegiatan masyarakat sehari-hari. Menurut beliau, pengasingan diri daripada kehidupan dunia tidak langsung menguntungkan, malahan merugikan diri sendiri, masyarakat dan negara. Bagi Shaikh Ahmad, cita-cita kaum sufi yang sebenarnya ialah untuk menyatukan seluruh umat muslimin dalam kesatuan persaudaraan Islam global.<sup>26</sup> Setelah wujud kesatuan ummah, barulah masing-masing mampu membina personaliti, akhlak, masyarakat dan negara yang selaras dengan tuntutan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>27</sup>

### **Pemergian Shaikh Ahmad ke Kota Mekah**

Shaikh Ahmad b. Idris banyak mengembara ke negeri-negeri lain dengan tujuan untuk berguru kepada tokoh-tokoh sufi yang terkenal, di samping ingin mengembangkan ilmu-ilmu yang sedia ada pada dirinya. Buat pertama kalinya beliau bertolak ke Mekah pada tahun 1213H/1797M, dan sampai di sana pada tahun 1214H/1798M, dengan satu objektif iaitu untuk menjalani proses pembelajaran lanjutan di samping menunaikan fardu haji. Semenjak itu, Shaikh Ahmad tidak kembali lagi ke kampung halamannya di Moroko.<sup>28</sup>

Pemergian beliau ke Mekah tanpa ingin kembali lagi ke tanah air mungkin juga didorong oleh perasaannya untuk mencari kebenaran yang bertepatan dengan ajaran Islam bagi menentang ajaran-ajaran ekstrim yang menyalahi ajaran Islam yang memang sudah sedia dan untuk membersihkan masyarakat daripada penyelewengan agama.<sup>29</sup> Untuk mengurangkan kontradiksi

<sup>26</sup> Trimingham, J. S., *Islam in Ethiopia*, Frank Cass and Co. Ltd., London, t.t., hlm. 242.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi, *al-Ahzab al-'Urfaniyyah wa al-Aurād al-Nūriyyah*, t.p., t.t., hlm. 16.

<sup>29</sup> Brown, John P., *The Dervishes on Oriental Spiritualism*, Frank Cass and Co. Ltd., London, 1968, hlm. 8.

tersebut, Shaikh Ahmad telah memilih Mekah yang pada waktu itu sudah terkenal dengan aliran pemikiran Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb sebagai tempat untuk beliau menimba ilmu agama di samping mencurahkan tenaga mengajar orang ramai tentang pelbagai ilmu termasuk ilmu tasawuf.

Tahun pertama menetap di Mekah, Shaikh Ahmad bersama pengikut-pengikutnya (*disciples*) menghadapi kesukaran kerana tidak memiliki rumah dan makanan. Beliau menggambarkan:

“Kami tidak mempunyai apa-apa pun. Beberapa hari berlalu, dan tidak ada sesuatu pun yang memasuki perut kami melainkan air zamzam tetapi kami tetap bertenaga untuk beribadah kepada Allah. Aku sendiri telah melaksanakan tawaf beberapa kali, siang dan malam. Aku melaksanakan tawaf pada waktu tengahari di bawah panas matahari. Untuk menyegukkan diri, aku membuka pakaianku dan mencelupnya di dalam air kemudian aku memakainya semula.”<sup>30</sup>

Walaupun pemerintah Mekah pada masa itu telah menawarkannya rumah, sekolah dan beberapa keperluan lain kepada Shaikh Ahmad tetapi beliau tetap enggan menerimanya. Beliau berkata: “Kami tidak memerlukan rumah atau perbelanjaan sebagaimana kami memerlukan kesihatan yang baik yang merupakan kurniaan Allah.”<sup>31</sup>

Menjelang tahun kedua berada di Mekah, berlaku perubahan di dalam kehidupan Shaikh Ahmad dan pengikut-pengikutnya di mana kesusahan hidup yang dihadapi mereka berjaya diatasi. Mereka menerima sumbangan berupa makanan, bijirin dan lain-lainnya daripada dermawan-dermawan Islam. Makanan dan barang tersebut dibahagi-bahagikan di kalangan mereka dan juga kepada orang-orang yang memerlukannya.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> Al-Mirghānī, Sayyid Muhammad ‘Uthman, *Maṇāqib Sayyidī Ahmad*, Wādi Madānī, Maktabah Madānī, 1977, hlm. 26.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 32.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 32 – 33.

## Pembentukan Tarikat Ahmadiyyah

Shaikh Ahmad menetap di Mekah selama empat belas tahun. Pada tahun 1228H./1812M. beliau telah berhijrah ke Kaherah dan menetap di sebuah perkampungan yang terletak di antara Qina<sup>33</sup> dan Athna yang dikenali sebagai Zainiyyah selama lima tahun.<sup>34</sup> Sewaktu tinggal di Qina inilah Shaikh Ahmad telah membentuk tarikatnya sendiri. Beliau juga dikatakan telah bertemu dengan Rasulullah s.'a.w. melalui satu pertemuan yang dinamakan sebagai pertemuan *sūri*.<sup>35</sup> Ketika inilah beliau dikatakan menerima zikir asas Tarikat Ahmadiyyah. Pada mulanya Shaikh Ahmad dikatakan menerima kesemua zikir yang menjadi amalan Tarikat

<sup>33</sup> Qina ialah sebuah tempat di Mesir dan terkenal dengan pelbagai kumpulan tarikat. Sehingga kini masih terdapat hanya kumpulan tarikat yang aktif dalam mengamal dan mengembangkan doktrin masing-masing.

<sup>34</sup> Ahmad bin Muhammad Said al-Linggi, *Majmū'*, hlm. 34.

<sup>35</sup> Persoalan *ijtimā'* *sūri* atau bertemu secara jaga atau mimpi dengan Rasulullah s.'a.w seringkali menjadi perbahasan di kalangan ulama Islam. Menurut Mohd. Murtadza dan Dr. Mahmud Saedon di dalam kertas kerja yang bertajuk "Ijtima' Sūri", *Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan*, 1987, Kuala Lumpur, hlm. 4, bahawa perkara sedemikian bukanlah sesuatu yang mustahil bagi golongan *sālihin* dan *auliya'*. Allah berkuasa memberi apa sahaja yang dikehendakinya dengan membuka *hijab* yang menutupi mata hatinya serta menganugerahkan *nūr* kepada mereka sehingga mereka mampu melihat sesuatu yang orang lain tidak nampak. Menurut Mohd. Murtadza dan Dr. Mahmud Saedon lagi, pertemuan yang berlaku antara ahli sufi dan Rasulullah ini adalah berdasarkan keramat dan *kasyf* yang merupakan kurniaan Allah kepada mereka. Namun begitu, melihat Rasulullah bukanlah menggunakan penglihatan mata kasar, tetapi ia dikatakan sebagai perhimpunan *barzakhīyyah* dan merupakan *amr al-wujdaniyyah* yang hakikatnya tidak mampu dirasai melainkan orang yang mengalaminya. (*Ibid.*, hlm. 21). Menurut Taqi al-Din al-Subki (756H.) di dalam bukunya *Syifa'* *al-Siqām fi Ziyārah Khair al-Anām*, Lujnah al-Turāth al-'Arabi, Lubnan, t.t., hlm. 131, bahawa Rasulullah s.'a.w. dan para nabi pada hakikatnya masih hidup di alam kubur walaupun telah meninggal dunia. Al-Bukhārī dalam *Sahīh Bukhārī*, 9:42 "Kitāb Ta'bīr, Bāb Man Ra'a al-Nabi fi al-Manām", hlm. 42, telah meriwayatkan hadith yang bermaksud: "Barang siapa yang melihat aku di dalam mimpinya, maka itu adalah sama seperti bertemu aku ketika jaga. Ini kerana syaitan tidak boleh menyerupai aku."

Shādhiliyyah dan seterusnya menerima *tahlīl*, *salawat al-‘azāmiyyah* dan *istighfār al-kabīr* yang merupakan zikir asas kepada orang-orang yang menjalani jalan Tarikat Ahmadiyyah. Selepas itu beliau membentuk doktrin tarikatnya yang tersendiri dan dinamakan Tarikat Ahmadiyyah bersempena namanya sendiri.<sup>36</sup>

Pada tahun 1233H./1818M., Shaikh Ahmad kembali ke Mekah untuk meneruskan pengajiannya, di samping mencurah ilmu pengetahuannya kepada orang ramai. Ketika berada di sana, beliau sering berulang alik ke beberapa bandar berdekatan seperti Zabid, Hudaida, Sabya, Mukha dan lain-lainnya. Setelah menghabiskan masa selama dua belas tahun di Mekah, beliau sekali lagi mengembara ke Zabid. Pada tahun 1245H./1829M. beliau meneruskan perjalanan ke Sabya yang terletak di ‘Asir.<sup>37</sup> Walau bagaimanapun J. S. Trimingham memberikan tarikh berbeza yang menyatakan Shaikh Ahmad ke Sabya pada tahun 1243H./1827M.<sup>38</sup> Kemungkinan perbezaan ini adalah berdasarkan perbezaan kiraan tahun iaitu berapa lama beliau tinggal di setiap tempat yang disinggahinya.

### Kematian Shaikh Ahmad b. Idris

Pada tahun-tahun terakhir sebelum kematianya, Shaikh Ahmad b. Idris telah menetap di Sabya, ‘Asir sehingga beliau meninggal dunia pada bulan Rajab 1254H./1838M. sebagaimana yang dijelaskan oleh Ahmad bin Muhammad Sa’id al-Lingga di dalam

<sup>36</sup> Tarikat Ahmadiyyah Shaikh Ahmad b. Idris ini juga dikenali sebagai al-Idrisiyah, untuk membezakannya dengan Tarikat Ahmadiyyah yang diasaskan oleh Ahmad Badawi (119 - 1276M.). Ahmad Badawi mempunyai ramai pengikut terutamanya di sekitar Mesir. Terkenal dengan kekeramatannya yang dipercayai mampu menarik ramai pengikut. Ajaran tarikatnya berlainan dengan ajaran tarikat Shaikh Ahmad b. Idris. Lihat Hijāb, Ahmad Muhammad, *al-Izat wa al-I’tibār Ara’un fi Hayāt al-Sayyid al-Badawi*, Mu’assasat li al-Tibā’ah, Tanta, t.t., hlm. 20.

<sup>37</sup> Ahmad bin Muhammad Sa’id al-Lingga, *Majmū’*, hlm. 35.

<sup>38</sup> Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm. 120.

buku *Majmu'*.<sup>39</sup> Sementara penulis Barat iaitu George Kentz pula mencatatkan tarikh kematian beliau pada tahun 1837 M. sebagaimana katanya: "Seorang ketua ahli sufi yang terkenal dalam kurun ke 19M., Ahmad b. Idris, hidup di negara Arab dan pada tahun 1837M., beliau telah meninggal dunia di tempat tersebut..."<sup>40</sup>

Shaikh Ahmad bukan sahaja berjaya dalam mengembangkan doktrin tarikatnya, malahan beliau turut berjaya menyediakan sebuah asas gerakan politik di kawasan 'Asir ini. Pada tahun 1248H./1832M., beliau telah menubuhkan kerajaan Idrisiyyah-Sanūsiyyah di 'Asir dan berjaya mewujudkan sebuah negara yang berbentuk separa militan dan separa *religious*. Selepas kematian Shaikh Ahmad b. Idris, cucunya, Muhammad b. 'Alī (1876M.-1923M.) telah menjadi pemerintah bagi Dinasti Idrisi di 'Asir yang telah diasaskan pada tahun 1905M..<sup>41</sup>

Pada masa itu juga, Shaikh Ahmad b. Idris telah berjaya mengembangkan pengaruhnya ke serata dunia Islam. Buku *Islam in Ethiopia* menggambarkan perkembangan dan perluasan pengaruhnya dengan mencatatkan:

"Apabila beliau berpuashati bahawa ajarannya telah mantap dan sebatи di dalam jiwa para muridnya, beliau pun mengutus mereka ke pelbagai negara sebagai utusan pendamai dan ahli propaganda bagi memperolehi perdamaian dan persatuan di antara umat Islam serta juga sebagai kebangkitan agama Islam. Beliau sebenarnya telah memilih kawasan-kawasan tertentu yang difikirkan dapat memberi kejayaan yang cemerlang. Pemilihan tersebut akhirnya menghasilkan kejayaan gemilang sehingga susah untuk mencari kawasan yang tidak mempunyai pengikutnya.<sup>42</sup>

<sup>39</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Linggi, *Majmu'*, hlm. 36.

<sup>40</sup> Arberry, A. J. (ed.), *Religion in the Middle East*, jil. 2, Cambridge, t.t., hlm. 283 - 284; Trimingham, *Islam in Sudan*, hlm. 229.

<sup>41</sup> Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm. 120.

<sup>42</sup> *Idem.*, *Islam in Ethiopia*, Frank Cass and Co. Ltd., London, t.t., hlm. 242.

Selepas kematiannya, pemikiran dan idea-idea beliau terus berkembang termasuk konsep tasawuf yang diperkenalkannya. Murid-muridnya terus memperluaskan pengaruh Tarikat Ahmadiyyah ke serata dunia sebagai kesinambungan dari tugas-tugas yang dilakukannya. Antara murid Shaikh Ahmad b. Idris yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Tarikat Ahmadiyyah ialah Shaikh Ibrāhīm al-Rashid yang merupakan murid kesayangannya. Shaikh Ibrāhīm al-Rashid telah berjaya mengembangkan tarikat tersebut ke Somalia, India, Syria, Sudan dan lain-lainnya. Beliau turut berjaya mendidik sepupunya Shaikh Muhammad b. Ṣalīḥ yang akhirnya memperkenalkan Tarikat Ahmadiyyah sebagai Tarikat Ṣalīhiyyah yang berkembang pesat di Mesir.

Selain itu, murid Shaikh Ahmad b. Idris yang lain iaitu Shaikh Muhammād ‘Uthmān al-Mirghānī juga memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan Tarikat Ahmadiyyah tetapi akhirnya mengasaskan Tarikat Khatmiyyah yang berkembang luas di Sudan.<sup>43</sup> Shaikh Ibrāhīm al-Rashid yang menjadi pemimpin kedua Tarikat Ahmadiyyah selepas Shaikh Ahmad b Idris telah meninggalkan seorang murid yang cukup berwibawa yang akhirnya dilantik sebagai penggantinya iaitu Shaikh Muhammād b. Ahmad al-Dandarāwī.

Al-Dandarāwī dikatakan mempunyai cita-cita tinggi dan memiliki azam yang kuat untuk melihat perkembangan doktrin Tarikat Ahmadiyyah, tidak hanya di sekitar Tanah Arab malahan meliputi daerah yang lebih jauh termasuk India dan Asia Tenggara, khususnya Semenanjung Tanah Melayu. Bagi memenuhi impian tersebut dan sebagai kesinambungan cita-cita Shaikh Ahmad b. Idris, beliau menghantar murid-muridnya sebagai utusan khas bagi mengembangkan konsep ajaran Tarikat Ahmadiyyah. Al-Dandarāwī menghantar Shaikh Abū Ḥasan al-Azaharī ke India,

<sup>43</sup> Lihat Voll, John Obert, *A History of the Khatmiyyah Tariqah in the Sudan*, Tesis Ph. D, Massachusetts, Harvard University, Cambridge, 1960; al-Sarrāj, Muhammād b. ‘Abd al-Majīd, *al-Manāhij al-‘Aliyyah fī Tarājim al-Sādah al-Mirghānī*, Khartoum, 1955; Mac Michael, M. A., *A History of the Arabs in the Sudan*, jil. 2, Cambridge, 1922.

sementara Shaikh Muhammad Sa‘id al-Lingga ke Semenanjung Tanah Melayu.<sup>44</sup>

### **Hubungan Antara Pemikiran Shaikh Ahmad b. Idris Dengan Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb**

Penulis seperti H. A. R. Gibb dan E. E. Pritchard mendapatkan banyak persamaan pemikiran antara Shaikh Ahmad dengan Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb. Walaupun begitu, perkara tersebut masih menjadi persoalan, sama ada Shaikh Ahmad menerima pengaruh langsung atau tidak langsung daripada aliran pemikiran Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb atau pun sama sekali tidak dipengaruhi oleh pemikiran tersebut.<sup>45</sup> Oleh itu, artikel ini akan cuba membuat tinjauan awal mengenainya.

Sebagai seorang yang pernah mendapat didikan *madhab* Hanbali, kebanyakan idea-idea Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb tentang sumber utama yang perlu diterima pakai untuk melaksanakan undang-undang Islam turut menyamai idealisme guru-gurunya itu. Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Hadith semata-mata. Al-Qur'an diiktiraf sebagai *kalām Allah* yang merupakan wahyu yang diturunkan kepada pesuruhNya, Muhammad s.‘a.w. untuk *ditabligkhan* kepada seluruh umat manusia.<sup>46</sup> Pegangan ini dapat dilihat dengan jelas pada karya-karya penulisannya yang banyak dipenuhi oleh dalil-dalil nas al-Qur'an dan al-Hadith. Di dalam buku beliau *Uṣūl al-*

<sup>44</sup> Lihat Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (ed.), *Islam di Kelantan*, t.p., t.t., hlm. 72; Ahmad bin Muhammad Sa‘id al-Lingga, *Kanz al-Mu‘id*, Matba‘ah al-Ahmadiyyah, Singapura, t.t. hlm. 22 - 23; *idem.*, *Majmū‘ah Musammat bi Tuhfah al-Auīān wa al-Ikhwān*, Syarikat Percetakan Tien Wah, Malaysia, 1135 H., hlm. 89 - 91.

<sup>45</sup> Gibb, H. A. R., *Muhammedism*, Oxford University Press, London, t.t., hlm. 170 - 171.

<sup>46</sup> Ibn al-Hajr, *Syaikh Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahhab*, al-Kutub al-Islami al-Tiba‘ah wa Nashr, Beirut, 1944, hlm. 40; Klien, F. A., *The Religion of Islam*, Urzon Press, London, 1985, hlm. 235; Voll, John Obert, *Islam Continuity and Change in the Modern World*, Westview Press, Colorado, Longman Essex, London, 1982, hlm. 60.

*īmān*, Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb menulis tentang satu topik iaitu “*al-Wasiyyah bi Kitāb Allāh*”, beliau berkata: Aku beriktikad bahawa al-Qur’ān adalah *kalām Allāh* yang diturunkan dari langit dan bukannya dari makhluk. Daripada Allah ia datang dan kepadaNya ia kembali... diturunkan kepada NabiNya, RasulNya dan dutaNya Muhammad s.‘a.w..”

Sementara di dalam karya yang sama beliau juga memperlihatkan sikap dan pendiriannya terhadap hadith dan menulis satu topik yang berbunyi “*Tahrīsu hū s.‘a.w. Luzūm al-Sunnah.*” Beliau hanya menerima hadith-hadith *ṣahīḥ* sahaja sebagai panduan. Malahan beliau menolak semua pendapat yang tidak bersandarkan kedua-dua sumber utama tersebut. Menurut Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb lagi, mengemukakan pandangan berdasarkan al-Qur’ān dan al-Sunnah adalah mutlak, sedangkan akal hanya berfungsi sebagai alat untuk memahami maksud nas-nas yang terkandung di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah.<sup>47</sup>

Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb juga tidak bertoak ansur di dalam permasalahan yang berkaitan dengan ajaran dan pemikiran yang bercanggah dengan al-Qur’ān dan al-Sunnah itu. Pemikirannya mencetuskan idea pembaharuan supaya umat Islam kembali kepada pemurnian agama Islam selaras dengan ajaran yang dibawa oleh Islam. Untuk melaksanakan tugas tersebut, banyak usaha yang dijalankannya berobjektifkan penghapusan penyelewengan agama, *khurafat* dan amalan yang dianggap *shirk* yang dimanifestasikan oleh masyarakat setempat. Semasa tinggal di ‘Uyainah, beliau bersama ‘Amīr ‘Uthmān b. Hamād pernah menebang pokok yang dianggap keramat oleh orang-orang tempatan. Beliau juga telah meruntuhkan kubah yang dibina di atas kubur Ziyād b. al-Khaṭṭāb.<sup>48</sup> Justeru itu, beliau menganjurkan umat Islam kembali menghayati akidah *salaf* yang menurut

<sup>47</sup> Abū Zuhrāh, Muhammad, *Tārīkh Madhāhib al-Islāmiyyah fī Siyāsah wa-al-‘Aqā'id*, Maktabah Dār al-Fikr al-‘Arabi, Kaherah, 1963, hlm. 214; Nasri, Hani Yahya, *Ibn Abd al-Wahhāb's Philosophy of Society: An Alternative to the Tribal Mentality*, Fordham University, New York, 1979, hlm. 15.

<sup>48</sup> Nasri, Hani Yahya, *op.cit.*, hlm. 15.

pandangannya harus menjadi pegangan kaum Muslimin keseluruhannya.

Shaikh Ahmad b. Idris dikatakan mempunyai titik persamaan dengan Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb terutamanya daripada aspek pegangan terhadap kedua-dua sumber utama ajaran Islam iaitu al-Qur’ān dan al-Sunnah.<sup>49</sup> Masing-masing menolak kesemua perkara yang tidak disandarkan kepada al-Qur’ān dan al-Sunnah. Selain itu, persamaan di antara kedua-duanya dapat dilihat daripada sikap mereka yang menolak *qiyyas*, *ijma'* dan pendapat para sahabat yang tidak boleh dibuktikan berasal daripada Nabi Muhammad s. ‘a.w.<sup>50</sup>

Selain itu, mereka juga terkenal sebagai reformis yang mengemukakan idea-idea baru untuk pembangunan dan pemodenan umat Islam samada aspek fizikal mahupun spiritual. Sikap tersebut telah membuka era baru dalam dunia *ijtihad* dengan penolakan terhadap *taqlid* yang akhirnya memberi kesan positif kepada kebebasan berfikir di kalangan pemikir-pemikir Islam pada masa tersebut.<sup>51</sup> Sikap dan pendirian tersebut menyebabkan Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb lebih dikenali sebagai pelopor gerakan yang dipersonafikasikan sebagai seorang yang radikal lagi ekstrim dalam mengemukakan gagasannya tanpa melihat kepada situasi dan kondisi persekitaran. Begitu juga Shaikh Ahmad yang popular sebagai reformis dan *reactioner*, di samping menjadi ahli sufi. Walaupun Shaikh Ahmad lebih dikenali sebagai seorang sufi yang mendirikan sebuah tarikat, beliau tetap menolak segala bentuk pengajaran sufi yang melampaui batasan al-Qur’ān dan al-Sunnah. J. S. Trimingham memetik suatu peristiwa yang menceritakan sikap Shaikh Ahmad b. Idris dalam menolak ajaran ekstrim kaum sufi walaupun shaikh tersebut adalah gurunya sendiri iaitu Abū Ḥamid (Ahmad) al-‘Arabī al-Darqāwī (1760 - 1823M.). Beliau merupakan seorang ahli sufi terkenal di Moroko

<sup>49</sup> Trimingham, *Islam in Ethiopia*, hlm. 242.

<sup>50</sup> Gibb, H. A. R., *op.cit.*, hlm. 170 - 171.

<sup>51</sup> Voll, John Obert, “Renewal and Reform in Islamic History: Tajdid and Islah”, dalam Esposito, John L., (ed.), *Voices of Resurgent Islam*, Oxford University Press, London, t.t., hlm. 59.

dan shaikh aliran tarikat Shādhili-Zarrūqī yang kemudiannya telah mengembangkan tarikatnya sendiri iaitu Tarikat Darqāwiyyah. Pada suatu hari ketika sedang mengajar, tiba-tiba al-Darqāwī berdiri dan membuka pakaianya sambil menuding ke arah Shaikh Ahmad b. Idris sambil berkata: “Tengok seorang yang suci, tidak sama dengan seorang suci yang lain, seorang *ghawth* yang tidak sama dengan *ghawth* yang lain dan seorang *qutb* yang tidak sama dengan *qutb* yang lain”. Shaikh Ahmad b. Idris segera mengalihkan pandangannya, lalu membuka jubahnya dan mencampakkan kepada gurunya itu. Selepas itu guru tersebut tidak lagi mengulangi perbuatan itu.<sup>52</sup>

Penglibatan Shaikh Ahmad di dalam bidang tasawuf ini memperlihatkan perbezaan yang ketara antara beliau dengan Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb. Meskipun kedua-duanya berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber hukum, namun mereka berselisih pendapat terutamanya dalam masalah pengamalan tarikat dan ajaran-ajaran tasawuf. Dalam konteks ini, Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb menegaskan bahawa beliau amat mengambil berat tentang dasar-dasar ajaran Muslimin yang berkembang pesat serentak dengan pengaruh-pengaruh doktrin kesufian. Bahkan beliau berusaha gigih untuk memurnikan kembali ajaran-ajaran kesufian yang dianggap tidak bertepatan dengan dasar-dasar agama Islam yang sebenarnya. Beliau turut menolak sekeras-kerasnya struktur tasawuf yang dipraktikkan oleh sesetengah kaum sufi dan telah mengemukakan gagasan pembaharuannya sendiri.<sup>53</sup> Menurut Muhammad b. ‘Abd al-Wahhāb lagi, perjalanan kaum sufi boleh diterima, hanya apabila perjalanan tersebut bertujuan untuk menyucikan diri dan jiwa dari kejahanatan dan dosa agar dapat mematuhi perintah-perintah Allah.<sup>54</sup> Beliau juga menegaskan bahawa penghormatan yang berlebihan sesama manusia, walau bagaimana sucinya orang tersebut adalah *shirk* dan tertegah.<sup>55</sup> Beliau berpendapat sesiapa sahaja yang

<sup>52</sup> Trimingham, *Islam in Ethiopia*, hlm. 242.

<sup>53</sup> Voll, John Obert, *Islam Continuity*, hlm. 61.

<sup>54</sup> Trimingham, *Islam in Ethiopia*, hlm. 115.

<sup>55</sup> Voll, John Obert, *Islam Continuity*, hlm. 61.

mempraktikkan perbuatan tersebut sebagai terkeluar daripada Islam. Sebagai alternatif kepada doktrin sufi yang ditolak, Muhammad b. 'Abd al-Wahhāb telah memberi penekanan terhadap ketauhidan Allah. Bentuk pengajarannya lebih memfokuskan hubungan ketaatan secara langsung dengan Allah tanpa perantaraan, atau dengan kata lain, seseorang individu itu sendiri yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hubungan tersebut.<sup>56</sup>

Dalam usaha pemurniaan doktrin-doktrin sufi itu, Sharīf (*Amīr Wahhābiyyah*) pernah menghantar utusan memberi amaran kepada Shaikh Ahmad apabila diketahui beliau mentelaah buku-buku karangan Muhyi al-Dīn b. 'Arabi, tetapi beliau memberi respons:

“Katakan kepada Sharīf, kami tidak peduli dan kami juga tidak takutkan kejahatan mereka dan kami tidak takut selain daripada Allah.”<sup>57</sup>

Kenyataan ini menunjukkan terdapatnya perbezaan pendapat antara kedua tokoh tersebut dalam sesetengah perkara.

Gerakan-gerakan reformis Islam yang menentang doktrin sufi pada dasarnya menunjukkan pendirian yang sama dengan gagasan pokok yang diutarakan oleh Ibn Taimiyyah iaitu penumpuan terhadap pembentukan semula sosio-moral masyarakat Islam dan sekali gus membetulkan perjalanan para sufi yang terlalu menekankan kepentingan individu dan mengabaikan masyarakat sekeliling. Situasi Muhammad b. 'Abd al-Wahhāb yang menolak ajaran tasawuf dianggap sebagai terpengaruh dengan tulisan-tulisan Ibn Taimiyyah. Perbezaan di antara keduanya ialah Ibn Taimiyyah menolak ajaran sufi berdasarkan beberapa doktrin yang dilihat sebagai melampaui batasan, tetapi Muhammad b. 'Abd al-Wahhāb

<sup>56</sup> Al-Mirghānī, 'Uthmān, *op. cit.*, hlm. 30.

<sup>57</sup> Al-'Uthmān 'Abd Allāh al-Salih, *al-Shaikh Muhammād ibn 'Abd al-Wahhāb, Hayātuhu wa Fikruhu*, Dār al-'Ulūm, Riyad, hlm. 125; Voll, John Obert, *Islam Continuity*, hlm. 61.

menyerang ajaran tersebut secara habis-habisan tanpa membenarkan pengembangan ajaran sufi tersebut.<sup>58</sup>

Beberapa perkara perlu diperhatikan dalam mengesani pengaruh-pengaruh kaum Wahhabī terhadap pemikiran reformis-reformis Islam. Menurut John Obert Voll, seorang penulis Barat, sudah menjadi suatu kelaziman, kebanyakannya pelajar yang pergi menimba ilmu di Arab Saudi pada kurun ke-18M. akan terpengaruh oleh pemikiran kaum Wahhabī dan apabila kembali ke tanah air masing-masing yang telah sedia dipenuhi dengan semangat untuk menerima perubahan itu,<sup>59</sup> mereka dengan secara langsung atau tidak langsung akan menyebarkan pemikiran pembaharuan yang dibawa oleh kumpulan tersebut. Shaikh Ahmad b. Idris juga pernah belajar di Mekah yang kemudiannya mendirikan sebuah tarikat sendiri serta menganjurkan beberapa idea yang menyamai kaum Wahhabī. Beliau seringkali mengkritik ahli-ahli sufi yang menjalankan kegiatan kesufian mereka secara ekstrim yang akhirnya mendapat tentangan para ulama Mekah dan para sufi yang tidak menyukai pendapatnya. Beliau turut dituduh sebagai penganjur ajaran sesat kerana mengeluarkan idea-idea baru.<sup>60</sup> Untuk menunjukkan pendirian beliau, Shaikh Ahmad b. Idris telah berkata:

“...biarlah mereka [ulama] berkumpul bersama-sama dan sekiranya seluruh manusia di dalam dunia ini bersetuju dengan mereka, aku dengan kekuatan yang diperolehi daripada Allah s.w.t. tidak akan takut kepada mana-mana mereka, aku tidak pernah takut kepada mana-mana makhluk kecuali Allah sahaja.”<sup>61</sup>

Penentangan-penentangan yang dihadapi oleh Shaikh Ahmad

<sup>58</sup> Rahman, Fazlur, *Islam*, Chicago and London, 1979, hlm. 197; Lihat juga Muhammad Kamil Abdul Majid, *Beberapa Aspek Ilm Kalam Mengikut Ibn Taimiyah*, M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (tidak bercetak), 1984, hlm. 2.

<sup>59</sup> Voll, John Obert, *Islam Continuity*, hlm. 62.

<sup>60</sup> Pritchard, E. E. E., *op. cit.*, hlm. 12.

<sup>61</sup> Al-Mirghani, ‘Uthman, *op. cit.*, hlm. 30.

ini hampir menyamai penentangan terhadap Wahhābi, malahan beliau turut dianggap sebagai mendapat pengaruh daripada pemikiran tersebut. Meskipun begitu, terdapat catatan yang menerangkan bahawa Shaikh Ahmad tidak pernah terpengaruh dengan pemikiran itu. Murid Shaikh Ahmad, Sayyid ‘Uthmān al-Mirghāni menceritakan:

“Shaikh Ahmad b. Idrīs sentiasa menunaikan solat lima waktu di Masjid al-Haram dan para ulama Wahhābiyyah pula mengadakan majlis mereka pada waktu Isya’ dan selepas ‘Asar dengan menegaskan kepada orang ramai tentang pegangan mereka. Sesiapa yang tidak menghadirinya akan dipaksa ke majlis tersebut. Tetapi Shaikh Ahmad tidak menghadirinya, malahan sebaliknya mengendalikan majlisnya sendiri dan kami duduk bersama-sama di dalam *Hijr al-Ismā’īl*. Maka penguasa-penguasa negeri mereka melintasi tempat kami tetapi mereka tidak bercakap kepada kami sebagaimana mereka bercakap kepada orang ramai. Kemudiannya salah seorang daripada penguasa itu melintasi kami dan apabila dia melihat kami, lalu ia berkata: Pergilah kamu belajar semoga Allah memberi kamu hidayah. Dia terus menerus mengulangi kata-katanya, maka ustaz itu (Shaikh Ahmad) mendongak sekali sambil berkata: kasihan, dan terus berdiam diri.”<sup>62</sup>

Kenyataan di atas menjelaskan secara langsung bahawa Shaikh Ahmad tidak terpengaruh dengan pemikiran gerakan tersebut. Malahan beliau berpegang kuat dan berpendirian tegas terhadap pandangan-pandangannya sendiri, tanpa dipengaruhi oleh sesiapa pun sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah penulis Barat seperti E. E. Evans Pritchard. Menurut J. S. Trimingham, Shaikh Ahmad b. Idrīs hanya bersimpati dengan gerakan tersebut katanya:

“Sayyid Ahmad b. Idrīs al-Fāṣī (1760-1837) pengasas doktrin ini, telah memainkan peranan penting dalam reformasi pergerakan Islam di awal-awal kurun ke 19M. Sebagai seorang reformis merangkap ahli sufi, beliau

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

bertujuan untuk mewujudkan persatuan umat Islam dan juga didapati bersimpati dengan ajaran Wahhābi. Kemudiannya beliau cuba memperbaharui amalan dan doktrin ahli sufi yang ekstrim dan sebaliknya memberi penekanan yang lebih kepada pengetahuan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai asas penting untuk menceburkan diri ke dalam tarikat ahli sufi.”<sup>63</sup>

Persamaan yang wujud di antara keduanya mungkin hasil daripada pemikiran-pemikiran dan idea-idea reformis yang ingin mengembalikan ajaran Islam sebagaimana zaman Rasulullah s.'a.w. dan para sahabat dahulu. Kedua-duanya berhasrat memurnikan ajaran Islam daripada segala penyelewengan dan kekhurafatan yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Walaupun begitu, ajaran kaum Wahhābi ini adalah suatu unsur penting dalam perkembangan dunia Islam. Bahkan doktrinnya tentang sumber utama ajaran Islam menjadi contoh bagi gerakan pembaharuan pada masa itu. Pada kurun ke-19M., doktrin-doktrin sufi berbentuk *falsafi* telah mula berkurangan dengan kemunculan reformis-reformis yang mendirikan tarikat masing-masing. Antara reformis tersebut ialah Shaikh Ahmad b. Idris sendiri yang mengasaskan Tarikat Ahmadiyyah. Beliau kemudiannya diikuti oleh murid-murid seperti Muhammad 'Ali al-Sanusi pengasas Tarikat Sanusiyyah dan 'Uthmān al-Mirghāni pengasas Tarikat Khatmiyyah serta seorang tokoh sufi terkenal sebelum Shaikh Ahmad b. Idris iaitu Ahmad al-Tijāni pengasas Tarikat Tijāniyyah. Namun begitu tiada fakta yang menunjukkan mereka menerima pengaruh daripada Muhammad b. 'Abd al-Wahhāb.

## Kesimpulan

Shaikh Ahmad sebagai pengasas Tarikat Ahmadiyyah yang hidup pada kurun ke 19M. telah mengemukakan reformasi pemikiran sufi yang menganjurkan penglibatan diri dalam urusan sosial, ekonomi dan politik tanpa meninggalkan matlamat asal kejadian manusia

<sup>63</sup> Trimingham, *Islam in Ethiopia*, hlm. 242.

iaitu beribadah kepada Allah Ta'ala. Penentangan beliau juga dapat dilihat terhadap doktrin-doktrin kesufian yang ekstrim sehingga melanggar ajaran yang terkandung di dalam dua sumber perundangan yang utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan manifestasi reformasi yang dilakukan terhadap tasawuf *falsafi*. Walau bagaimanapun pembaharuan yang dikemukakan oleh beliau itu bukannya mendapat pengaruh daripada reformis Muhammad b. 'Abd al-Wahhāb, malahan ia hanyalah secara kebetulan sahaja kerana mereka masing-masing mempunyai pandangan yang amat berbeza berkenaan dengan tasawuf.